

Malaikat Yang Setia

RUJUK BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 2: MUKA SURAT 68



Ustaz
Anas

Assalamualaikum murid-murid.. Apa khabar? Ustaz harap semuanya sihat dan bersedia untuk belajar.

Walaikumussalam. Alhamdulillah. Kami sihat. Insya Allah, kami sangat teruja nak belajar hari ini.



Hana



Sofea



Ustaz, saya dah tahu Rukun Iman. Ada 6 perkara. Perkara kedua adalah **BERIMAN KEPADA MALAIKAT**



Ustaz, apa itu **MALAIKAT**? Dan berapakah jumlah malaikat yang **WAJIB** kita tahu?



Alhamdulillah. Bagusnya Hana.. Semua orang Islam wajib tahu 6 perkara dalam Rukun Iman dan wajib mempercayainya. Jika tidak percaya, tidak diterima imannya. Ye Sofea.. Boleh dengar penerangan ustaz di bawah

MALAIKAT ialah:

Makhluk Allah atau
Ciptaan Allah

Dicipta daripada CAHAYA

Manusia ialah:

Makhluk Allah atau
Ciptaan Allah

Dicipta daripada TANAH



SIFAT MALAIKAT

- Tiada nafsu
- Bukan lelaki dan bukan perempuan
- Tidak berkahwin
- Semua taat kepada Allah
- Tidak makan, minum dan tidur

SIFAT MANUSIA

- Mempunyai nafsu
- Ada lelaki dan perempuan
- Berkahwin
- Ada yang taat dan ada yang ingkar
- Makan, minum dan tidur

Jumlah **MALAIKAT SANGAT BANYAK**. Tetapi kita hanya **WAJIB** ketahui **10 malaikat sahaja** dan tugasnya. Kita dah **NYANYI** kan sebelum ni.

10 malaikat dan tugasnya

1. JIBRIL sampaikan wahyu
2. MIKAIL beri rezeki
3. Meniup sangkakala itu itu tugas ISRAFIL
4. Di dalam kubur pula disoal MUNKAR
5. NAKIR
6. MALIK jaga neraka
7. RIDUAN jaga syurga
8. ATID
9. ROQIB, mencatat jahat dan baik
10. sakit, sakit nyawa dicabut IZRAIL.





Kamu faham tak?



Faham ustaz

Ustaz, saya cuba terangkan semula.

Malaikat itu makhluk Allah dicipta daripada cahaya. Kita wajib tahu 10 sahaja dan tugasnya.



Bagus Sofea.. kawan-kawan yang tidak faham nanti boleh tanya sofea...

Ustaz, saya nak main kuiz



KESIMPULANNYA...



Malaikat adalah ciptaan Allah

Daripada cahaya

Allah ciptakan malaikat untuk menjalankan tugas yang ditentukan

Malaikat dicipta untuk menunjukkan kekuasaan Allah.

Kita wajib beriman adanya malaikat

Malaikat sentiasa taat kepada ALLAH

Manusia juga perlu taat kepada ALLAH

Untuk selamat dunia

Dan akhirat.



Jawab soalan berikut. Pilih jawapan yang betul.

1. Percaya kepada malaikat adalah salah satu:

A Rukun Iman

B Rukun Islam

2. Malaikat adalah ciptaan Allah daripada:

A Tanah

B Cahaya

3. Percaya kepada malaikat bermaksud:

A Percaya kepada 10 malaikat dan tahu tugasnya

B Percaya tetapi tidak tahu berapa malaikat dan tugasnya.

4. Apabila telah percaya kepada malaikat, saya akan;

A Buat apa yang Allah larang

B Taat kepada semua perintah Allah

5. Yang manakah BENAR tentang MALAIKAT; boleh pilih banyak

Ada nafsu

Tidak tidur

Sentiasa taat

Tiada jantina

Tiada apa-apa tugas

Seperti manusia



Suaikan... nama malaikat

اسرافيل

ميكائيل

جبريل

ناكر

عزرائيل

عتيد

Jibril

Mikail

Israfil

Atid

Izrail

Nakir

Semoga kamu dapat mencontohi sifat malaikat yang sentiasa taat kepada Allah 100%...

